



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD

WARGA PSMB AGIH RM39,981 WANG ZAKAT KEPADA ASNAF

KUALA LUMPUR, 27 Ogos 2020 – Sebanyak 11 pusat Tahfiz, rumah dan pertubuhan kebajikan menerima agihan zakat daripada kakitangan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) hari ini.

Agihan kutipan zakat berjumlah RM39,981 daripada kakitangan PSMB itu dibuat dalam satu majlis bertempat di Wisma HRDF, di sini.

Pengagihan kepada 11 wakil yang terdiri daripada pusat-pusat Tahfiz, rumah dan pertubuhan kebajikan sebagaimana di bawah telah disempurnakan oleh Ketua Eksekutif PSMB, Encik Shahul Hameed Dawood;

1. Pusat Jagaan Titian Kaseh
2. Pusat Jagaan Penyayang Nur Iman Kuala Lumpur
3. Pusat Jagaan Anak Yatim An-Najjah
4. Rumah Anak Yatim Permata Hatiku
5. Pusat Jagaan Yatim/Miskin Rukaiyah
6. Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim dan Asnaf Qaseh Ibu
7. Madrasah Al Yamani Kg. Baru
8. Maahad Tahfiz Al Shareef
9. Darul At-Tholibin Solatiah
10. Darul Quran Wal Hadith As Sofa
11. Pertubuhan Kebajikan Rumah Anak Yatim Cahaya Mahkota

PSMB turut mengagihkan sejumlah zakat fisabilillah kepada Biro Agama dan Surau Kelab PSMB bagi tujuan penambahbaikan surau serta menjalankan aktiviti agama di bawah kelab tersebut.

-TAMAT-

Untuk Sebaran Segera

Mengenai PSMB

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

Semenjak penubuhannya pada tahun 1993 sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM), PSMB telah berkembang pesat. Bermula sebagai sebuah institusi yang mengumpul levi dan menyalurkan geran latihan, PSMB kini memikul tanggungjawab dalam menyumbang kepada usaha peningkatan latihan kemahiran industri-industri utama di Malaysia terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (PKS).

Ditadbir oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta 612), PSMB diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk memangkin pembangunan tenaga kerja tempatan yang kompeten yang menyumbang ke arah wawasan Malaysia untuk menjadi negara ekonomi berpendapatan tinggi.

Visi

Setiap pekerja Malaysia dilatih

Misi

Menerajui pembangunan dan latihan tenaga kerja Malaysia

Objektif

Pengenaan dan pengumpulan levi daripada majikan berdaftar dengan sepuluh (10) atau lebih pekerja. Majikan-majikan ini menyumbang pada kadar satu (1) peratus daripada jumlah gaji bulanan pekerja mereka kepada PSMB sebagai levi Pembangunan Sumber Manusia (PSM).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hrdf.com.my.

Untuk Pertanyaan Media:

Nik Surina Suria

Komunikasi Korporat

Pembangunan Sumber Manusia Berhad

niksurina@hrdf.com.my

013 367 6488

Seri Azriana

Komunikasi Korporat

Pembangunan Sumber Manusia Berhad

sazriana@hrdf.com.my

012 745 9080